

**PENERAPAN KONSEP PERTANIAN MAMPAN.  
KAJIAN KES: PROJEK PERTANIAN LANCHANG, TEMERLOH, PAHANG  
DARUL MAKMUR.**

**NOR AKHIRUDDIN MOHAMAD NAZRI**

**Tesis ini dikemukakan sebagai  
memenuhi sebahagian daripada syarat  
penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Perancangan Bandar Dan Wilayah**

**Fakulti Alam Bina  
Universiti Teknologi Malaysia**

**NOVEMBER, 2006**

## ABSTRAK

Kegiatan perancangan pembangunan sesebuah ekonomi amnya dan kegiatan ekonomi pertanian khususnya, sudah menjadi amalan kebanyakan negara membangun contohnya Malaysia. Era perancangan secara tersusun negara ini bermula pada tahun 1957, iaitu selepas kemerdekaan di mana wujudnya Rancangan-rancangan Malaya dan rancangan-rancangan lima tahun untuk membangunkan sektor ekonomi negara. Rentetan daripada dasar dan strategi kerajaan ke arah pembangunan tersebut banyak perubahan yang berlaku dalam industri pertanian. Tanaman sara diri kepada tanaman kontan/komersial, kaedah tradisional kepada kaedah berteknologi, tanaman tunggal kepada tanaman campuran dan pertanian tradisional kepada pertanian moden telah memperlihatkan perubahan tersebut. Kini banyak pendekatan yang dikaji dan diguna pakai dalam membangunkan industri pertanian supaya sektor ini akan terus berkembang. Pendekatan konsep pertanian mampan telah banyak diguna pakai oleh negara-negara pengeluar utama produk pertanian dunia seperti Australia, United Kingdom dan Cuba sebagai asas pengukuran aktiviti pertanian mereka. Berbeza dengan Malaysia, pendekatan konsep ini masih tidak meluas diaplikasikan dalam memperbaiki aktiviti pertanian negara. Justeru itu, penyelidikan ini akan mengulas secara langsung tentang penerapan konsep pertanian mampan dalam aktiviti pertanian negara ini dan secara tidak langsung mengukur tahap kemampuan aktiviti pertanian tersebut. Perkara-perkara yang disentuh dalam penyelidikan ini bermula dengan pendedahan awal tentang perkembangan pertanian negara, menetapkan sasaran penyelidikan serta kaedah penyelidikan yang dijalankan di mana matlamat kajiannya ialah untuk mewujudkan satu bentuk pertanian ke arah pertanian mampan. Seterusnya, menyentuh berkenaan dengan perkaitan dasar, strategi dan rancangan dalam membangunkan sektor pertanian serta penjelasan secara terperinci tentang kefahaman konsep pertanian mampan. Melalui pemahaman perkara tersebut, indikator diwujudkan berlandaskan tapisan daripada tiga rujukan utama iaitu Pendekatan Kitaran Hidup (LCA), Skim Akreditasi Ladang Malaysia (SALM- ISO 9001) dan Konsep Pertanian Mampan di mana digunakan dalam menilai kawasan kajian. Rumusan hasil penemuan analisis akan membantu dan memacu langkah penyelidikan yang seterusnya yang merujuk pembentukan cadangan ke arah pertanian mampan. Cadangan yang diusulkan adalah pendekatan menggunakan prinsip-prinsip pertanian mampan dan penerapan sistem kitaran hidup dalam amalan pertanian. Akhirnya, penutup kepada penyelidikan berupa kesimpulan kepada implikasi terhadap bidang perancangan bandar dan wilayah serta kajian lanjutan terhadap beberapa elemen yang menjadi liabiliti penyelidikan ini.

## ABSTRACT

For past years, the economy development planning in agricultural was particularly practical in developing country of the world especially Malaysia. It start since, 1957 after independent when our country determine to develop the economy through the *Rancangan Malaya* and *Rancangan Lima Tahun*. Focus of the development is to distribute the country resources into sectors, particularly in agricultural sector. A lot of changes have occurred through the series of that development. The transformations happened especially from subsistence farm to commercial farm, solitary farm to mix farm, manual to machinery and traditional farming to modern farming. Nowadays, there are many approaches and concepts for the development of agricultural industry. Countries likes Australia, United Kingdom and Cuba use the sustainable agricultural approach as an assessor to their agricultural development. But the concept is not widespread yet in our country. So this research will revise particularly for the application of sustainable agricultural approach in the existing agricultural system. The research also will explain: first, the history of the agricultural development in Malaysia, then will revise about the methodology of this research which is the goal is to clarify the modern agricultural towards sustainable agricultural. Secondly, about the policies, principles and plans involve in the agricultural sector in Malaysia; thirdly, detail explanation regarding the sustainable agricultural concept and the existing system in agricultural. From these explanations it will present in the indicator based on three main references which are Life Cycle Assessment (LCA), Malaysia Accreditation Scheme (SALM) and Sustainable Agricultural Concept. The results from the research findings will guide the researcher to form the recommendation towards sustainable agricultural. These recommendations include the use of sustainable agricultural principle and LCA approaches in agricultural activities. Lastly, in the conclusion it will represent the research implication for the town and country planning aspect. Further research need to be done which are liabilities for the researcher.